

UASA EKSTRA

Bahagian A

Tatabahasa

Ayat Tanya, Ayat Penyata, Ayat Aktif, Ayat Susunan Biasa, Ayat Susunan Songsang, Kata Kerja, Kata Nafi

Soalan 1 – 6

Tema 9: Integriti

Buku Teks: m.s. 179, 180, 185, 186, 191

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____ pemilik banglo mewah di atas bukit itu?
A Siapakah
B Bilakah
C Berapakah
D Bagaimanakah

2. Puan Julia _____ wang anaknya di dalam bank sebagai simpanan masa depan.
A disimpan
B tersimpan
C simpanan
D menyimpan

3. Kereta itu _____ oleh ayah dengan berhati-hati ketika melalui jalan yang curam itu.
A memandu
B dipandu
C berpandu
D pemanduan

4. Kakak _____ dompet adik yang baru dibelinya itu di bawah katil.
A menemui
B menemukan
C ditemukan
D ditemui

5. _____ keadaan nenek kamu selepas menjalani pembedahan katarak mata di hospital?
A Apakah
B Siapakah
C Di manakah
D Bagaimanakah

6. Kamu tidak hadir ke sekolah kelmarin _____?
A mengapa
B berapa
C siapa
D bagaimana



Soalan 7 – 10

Pilih ayat yang betul.

7. A Pegawai itu melayankan kami dengan mesra.
B Darisa sungguh rajin mengulang kaji pelajaran.
C Aisha telah menang pertandingan baju kreatif.
D Amina disukai rakan kerana sikap dia yang peramah.
8. A Qalisha membawa ibunya yang sakit ke klinik.
B Kerja rumah yang Cikgu Sabri beri awak belum siap?
C Amina terpaksa berpisah dengan kawan baiknya Farah walaupun itu tidak kemahuannya.
D Mendapat keputusan cemerlang Muhamad kerana beliau berusaha dengan bersungguh-sungguh.
9. A Hadiah ini tidak untuk saudara.
B Saya bukan mahu pergi ke rumah itu lagi.
C Yang saya pegang ini bukan pensel saya.
D Dia bukan menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru.
10. A Baca buku Sumayyah di perpustakaan.
B Tegas sungguh pegawai imigresen itu.
C Membuang sampah di dalam tong sampah Haziq.
D Berjaya juga akhirnya Fauzi dilanjutkan pelajaran ke universiti.

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Teks Tunggal

Tema 5: Integriti

Buku Teks: m.s. 173 – 194

Soalan 1 hingga 3

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap hari Amir datang lewat ke sekolah. Cikgu Farhan, iaitu guru disiplin sudah beberapa kali memberikan amaran kepada Amir. Amir hanya berdiam diri apabila ditanya tentang sebab kelewatannya.

Cikgu Farhan pergi ke rumah Amir selepas waktu persekolahan untuk berjumpa dengan kedua-dua ibu bapa Amir. Cikgu Farhan mendapat tahu bahawa Amir selalu datang lewat ke sekolah pada setiap hari kerana dia terpaksa mengurus ibunya yang uzur dan lumpuh. Ayahnya pula bekerja giliran malam sebagai pengawal keselamatan di sebuah kilang. Oleh sebab itu, Amir lewat ke sekolah kerana dia terpaksa menunggu ayahnya pulang daripada bekerja.



Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Tema 2: Kesihatan dan Kebersihan

Buku Teks: m.s. 21 – 42

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Susu mengandungi kalsium, magnesium, dan kalium. Susu dapat meningkatkan memori dan fungsi kognitif kamu. Itulah sebabnya ibu menghidangkan susu kepada kamu setiap pagi,” jelas ibu Amirul.

“Inilah rahsia kamu selalu cemerlang dalam akademik, iaitu sentiasa bersarapan,” ujar ibu Amirul sambil tersenyum lebar.

“Terima kasih, ibu kerana mengambil berat akan pemakanan saya,” balas Amirul sambil memeluk ibunya dengan erat.

- I. (a) Susu dapat meningkatkan _____.
[1 markah]

- (b) Apakah rahsia Amirul selalu cemerlang dalam akademik?

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata kerja yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

“Itulah sebabnya ibu menghidangkan susu kepada kamu, setiap pagi,” jelas ibu Amirul.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

“Terima kasih, ibu kerana mengambil berat akan pemakanan saya,” balas Amirul sambil memeluk ibunya dengan erat.

Amirul memeluk ibunya dan mengucapkan terima kasih kerana mengambil berat akan pemakanannya.	
--	--

Ibunya memeluk Amirul dan mengucapkan terima kasih kerana mengambil berat akan pemakanannya.	
--	--

[1 markah]



Respons Kritis dan Kreatif

Tema 8: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Buku Teks: m.s. 151 – 172

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Sewaktu menunggu van sekolah untuk pulang ke rumah, kamu melihat seorang rakan kamu menangis. Wangnya sebanyak RM50 telah hilang. Dia menyimpan wang tersebut di dalam beg sekolah. Wang itu merupakan bayaran tambang yang hendak diserahkan kepada pemandu van. Dia risau kalau-kalau ibu bapanya akan memarahinya kerana sikapnya yang cuai.

Sebagai rakan, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]